



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA.***

**DI MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU
'ALAIHI WASALLAM PERINGKAT NEGARA BAGI TAHUN 1445H / 2023M**

**PADA HARI KHAMIS,
12HB. RABI'UL AWAL 1445H BERSAMAAN
28HB. SEPTEMBER 2023M**

**BERTEMPAT
DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالْمُبَيْنَ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلْهُ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan,
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan ta'zim hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan sekalian Penasihat-Penaasihat, Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam dan Jawatankuasa Kerja Sambutan Mauludin Nabi tahun 1445H/2023M menyembahkan sembah menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Perhimpunan Sambutan Maulud Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pada pagi 12hb Rabi'ul Awal tarikh kelahiran Baginda yang diperingati dan disyukuri.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis sambutan pada pagi 12hb Rabi'ul Awal ini adalah dijunjung tinggi oleh peserta-peserta perhimpunan seramai sekitar lima ribu orang dalam 87 buah pasukan yang mewakili kementerian-kementerian, institut-institut pengajian tinggi, maktab-maktab dan sekolah-sekolah menengah, masjid dan kampong, seterusnya pertubuhan awam dan sektor swata.

Mereka bersyukur dan merasa bahagia dapat menyertai perarakan yang akan Kebawah Duli Tuan Patik kepala.

Berapa pun jumlah hitungan penyertaan mereka namun ia adalah melambangkan sanjungan rakyat yang sentiasa bertaat setia mendukung kepimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Tuan Patik dalam suasana dan tarikh yang berkeberkatan bersempenakan Sambutan Mauludin Nabi Muhammad, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* Junjungan yang kita kasihi sambil mengambil hikmah dan pengajaran daripada kenabian serta kerasulan Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam yang disebutkan oleh Allah dengan firman-Nya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ iaitu membawa dan menebarkan rahmat kasih sayang Allah kepada sekalian alam.

Dan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memperakukan Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* adalah individu dari kalangan manusia yang terulung sekali akhlaknya: وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ - al-Qur'an surah al-Qalam ayat 4.

Oleh itu ditegaskan oleh Allah yang Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* adalah contoh tauladan yang terbaik - *uswatun hasanah* - untuk ikutan bagi orang-orang yang mengharapkan keredhaan Allah dan kebahagiaan hari akhirat serta banyak mengingat Allah, dengan firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Dan seterusnya ditegaskan lagi oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bahawa Nabi Muhammad, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan Junjungan kita itu adalah juga contoh ketua dan pemimpin yang sangat perihatin, dalam ketegasan kepimpinannya namun sangat mengambil berat terhadap kesusahan dan penderitaan umat Baginda, firman Allah:

لَقَدْ جَاءُكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنْتُمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَوْفٌ رَّحِيمٌ - al-Qur'an Surah at-Taubah ayat 128.

Maka sesuailah Sambutan Maulud Nabi tahun ini mengungkapkan kata-kata *SUNNAH DIHAYATI, HIDUP DIBERKATI*. Ia bertujuan mengajak dan menyedarkan kita untuk mendapatkan keberkatan hidup dengan bercontoh tauladankan Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam semua aspek kehidupan, kerana yang dimaksudkan dengan *Sunnah Nabi* itu ialah tingkah laku perbuatan, percakapan mahu pun *taqir* yakni sesuatu yang Baginda persetujui.

Setentunya itu juga menghendaki kita dalam mengetengahkan *Sunnah Nabi* akan tidak mengabaikan aspek-aspek sosial kemasyarakatan bahkan aspek – aspek kepimpinan Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam ehwal keperihatinan terhadap kepentingan kepimpinan yang bijaksana dan berwibawa terutama dalam bermasyarakat, berpemerintahan dan bernegara.

Ampun Beribu Ampun –

Demikian disebahkan untuk perhatian sekalian kita yang merayakan hari kelahiran Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, Nabi Muhammad dan Junjungan kita.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekali lagi menyembahkan sembah junjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat ke Perhimpunan Sambutan Maulud dan berkenan mengepalai Perarakannya.

Seterusnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan Kebawah Duli Tuan Patik untuk menyembahkan sembah junjung kasih diatas keberangkataan Paduka-Paduka Anakda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Dan Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuara
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Tetamu-Tetamu Khas,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebijakan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan sumbangsan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu wa Ta'ala jua. Amin ya rabbal 'alamin.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

12 Rabiulawal 1445H / 28 September 2023M